

09/10/1997

PM setuju Pernas urus projek Tasik Chini

PEKAN, Rabu - Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bersetuju dengan hasrat Kerajaan Pahang untuk menawarkan projek pengurusan dan pembangunan Tasik Chini, di sini, kepada Pernas Holding Bhd (Pernas).

Setiausaha Kerajaan Pahang, Datuk Sulaiman Abdul Ghani sudah menghantar surat tawaran itu kepada Pengerusi Pernas, Tunku Tan Sri Shahriman Tunku Sulaiman pada 5 September lalu tetapi setakat ini, belum ada maklum balas mengenainya.

Pengerusi Jawatanan Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan negeri, Datuk Shahiruddin Ab Moin, berkata kerajaan negeri juga meminta Pernas menghantar rancangan kegiatan dan pembangunannya di Tasik Chini, jika bersetuju menerima tawaran berkenaan.

Beliau berkata, perbincangan dengan syarikat pengurusan Tasik Chini sedia ada, Aseania Resort, perlu dilakukan bagi membolehkan projek yang dirancang dijalankan secara usaha sama.

Menurutnya, langkah itu perlu kerana berdasarkan perjanjian, Aseania Resort diberi kontrak mengurus dan membangunkan Tasik Chini bagi tempoh tiga tahun, berakhir Disember tahun depan dan adalah tidak wajar jika kontrak itu ditamatkan segera.

"Kita menjalankan banyak promosi untuk menarik lebih ramai pelancong datang ke Tasik Chini sejak pusat pelancongan itu dimajukan pada 1984 dan setakat ini, kira-kira 40,000 pelancong sudah berkunjung ke situ walaupun kita menerima lebih banyak permintaan.

"Kita terpaksa menghadkan kedatangan pelancong kerana beberapa masalah, antaranya 18 chalet yang disediakan Aseania Resort tidak mampu menampung jumlah yang ramai, kurang kemudahan awam dan kegiatan yang dianjurkan terhad.

"Jadi, selepas dipersetujui Perdana Menteri dan Kerajaan Pusat, kita menawarkan kepada Pernas supaya mengambil alih pengurusan Tasik Chini dan membangunkannya menjadi pusat pelancongan terunggul di rantau ini," katanya, di sini.

Shahiruddin berkata, pihaknya memberi jaminan pembangunan yang akan dijalankan di Tasik Chini tidak akan menggugat keindahan alam semula jadi yang menjadi aset pelancongan.

Beliau berkata, pengambilalihan pengurusan Tasik Chini kepada Pernas, membolehkan syarikat yang memiliki sumber kewangan yang teguh itu, mewujudkan lebih banyak kemudahan awam dan tempat penginapan.

"Tasik Chini adalah produk pelancongan yang unik dan Perdana Menteri sendiri sudah beberapa kali melawat ke situ untuk meninjau pembangunan dan peluang yang boleh ditawarkannya kepada pelancong, " katanya.

(END)